# 4,720 pelajar mendaftar di UMS

**Dari muka depan** DE 4·9·17 2

"Saya akan mengambil Kejuruteraan Perisian di UMS. Saya sangat berminat belajar Kejuruteraan Perisian, oleh itu saya telah membuat sedikit penyelidikan di Malaysia dan mendapati bahawa UMS adalah Universiti yang sesuai untuk melanjutkan pengajian peringkat ijazah dalam bidang ini," katanya.

Buthaina menambah, dia merupakan antara pelajar dari Tanzania yang ditaja oleh Bank Pembangunan Islam Arab Saudi (IDB).

"IDB membiayai penuh pengajian kami di sini. Ini adalah kali pertama saya di Malaysia dan ia sangat baik. Saya masih belum banyak berjalan, namun berdasarkan kepada tanggapan pertama, ia sangat baik.

Christinisiah dan Buthaina merupakan antara 4,720 pelajar yang mendaftar di UMS bagi pengambilan 2017/2018, pada Ahad.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali berkata, berdasarkan angka tersebut, 2,121 atau 45 peratus adalah dari Sabah sementara 49 peratus adalah dari Semenanjung, Labuan dan Sarawak dan enam peratus lagi adalah pelajar antarabangsa.

"Pelajar anatarabangsa antara lain datang dari China, Brunei Darussalam, Myanmar, Bangladesh, Indonesia dan Vietnam.

"Bagi peratusan jantina, 3,284 atau 70 peratus pengambilan baharu ialah wanita manakala yang lain adalah lelaki," katanya.

Terdapat juga 19 orang pelajar kurang upaya untuk pengambilan baru, katanya.

"Mereka ditempatkan di tingkat bawah kolej kediaman bagi memudahkan pergerakan dan pengangkutan khas juga disediakan kepada mereka bagi membantu mereka menghadiri kelas."

Pelajar baharu dikehendaki tinggal di kolej kediaman sepanjang minggu orentasi sebagai sebahagian daripada persiapan mereka untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus.